

Ya'acob gesa badan2 silat gabung dengan Persisi

27 SEP 1977

oleh
YAAKUB RASHID

BADAN-BADAN silat ^{pencaik silat} setempat telah digesa supaya menggabungkan diri dengan Persekutuan Silat Singapura (Persisi) untuk mempelbagaikan seni silat di sini.

Gesaan itu dibuat oleh Haji Ya'acob Mohamed, Menteri Negara (Pejabat Perdana Menteri), ketika berucap di majlis perpisahan untuknya anjuran Persekutuan Silat Singapura, malam semalam.

Dia menegaskan, walaupun sambutan dari badan silat yang diberikan kepada Persisi sekarang agak baik, namun terdapat banyak lagi badan yang belum menggabungkan dirinya.

Haji Ya'acob, yang juga Presiden Persisi, menjelaskan andainya badan-badan itu menggabungkan diri dengan Persisi maka tentu sekali kegiatan mereka akan dapat mempelbagaikan jenis seni silat di Republik ini.

Dia juga menggesa pemimpin-pemimpin per-satuan di sini supaya ber-

vember depan akan berlangsung Persidangan tiga negara untuk menubuhkan Persekutuan Silat Asean dan Seni Pertahanan Diri di Kuala Lumpur. 27 SEP 1977

Haji Ya'acob juga telah meninggalkan nasihatnya kepada mereka dengan berkata, "Jika manusia mahu hidup sebagai manusia, harus tahan dugaan dan cabaran — begitu juga dengan seorang pemimpin.

"Hanya dengan menerima kritik dan bidasan saja seorang pemimpin itu boleh belajar dan membaiki kelemahan dan dirinya sendiri."

"Sebagai pemimpin dia mestilah berani menghadapi dan menyelesaikan masalah dan tidak boleh bersenyum rak-yatnya ketawa," tambah Haji Ya'acob.

Belia2 diseru sama2 bantu rakan2 yang terseleweng

-3 OCT 1977

MASYARAKAT belia di sini telah digesa supaya sama-sama membantu usaha untuk menghapuskan penyalahgunaan dadah di Republik ini.

"Mereka mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk memulihkan belia-belia yang terseleweng kembali ke jalan yang sempurna," kata Haji Ya'acob Mohamed malam semalam.

Andainya para belia dapat berbuat demikian, nasib mereka yang sudah terpengaruh — khususnya belia-belia Melayu dan Islam — akan lebih terjamin.

Berucap di majlis anjuran Perpensis kerana mengucapkan selamat jalan kepadanya yang akan bertugas ke India sebagai Dubes Republik ini ke sana, Haji Ya'acob menambahkan:

"Ada baiknya belia-belia sendiri yang berusaha untuk menarik rakan mereka yang sudah terpengaruh dengan dadah ke jalan yang benar.

"Mereka yang ketagih merasa takut bila orang-orang tua yang cuba memulihkan mereka. Tetapi, melalui pujuk rayu dan nasihat yang berguna be-

lia-belia sendiri, mereka yang menyalahgunakan dadah itu dapat diselamatkan dan dibawa ke jalan yang benar," katanya.

Merujukan ucapannya kepada anggota-anggota Perpensis, Menteri Negara itu berkata jika tiap-tiap seorang daripada mereka dapat menarik belia yang terpengaruh ke jalan yang benar, ini bermakna mereka telah menyelamatkan 800 orang jiwa.

Haji Ya'acob juga men-sifatkan tugasnya ke India memberi dua kesan kepadanya — suka dan duka.

Gembira

"Saya berasa gembira kerana Pemerintah yakin dan menyerahkan tugas yang berat untuk saya memikulnya. Semasa bertugas di India, saya juga serentak dengan itu akan menjadi Dubes di lima buah negara lain.

"Bagaimanapun, apa yang mendukacitakan saya ialah saya terpaksa meninggalkan penduduk-penduduk Kampong Ubi yang telah mengamanahkan tanggungjawab kepada saya."

Namun, kata Haji Ya'acob, ini tidaklah bermakna dia tidak akan kembali semasa bertugas di seberang laut.

Kolar biru

"Saya akan pulang ke tanah air dari masa ke masa untuk menemui mereka," ujarnya.

Anggota Parlimen Kolar Ayer, Encik Sidek Sani, yang hadir di majlis itu pula menasihatkan para belia agar jangan terlalu memilih pekerjaan.

"Ada lebih baik anda mendapatkan pekerjaan kolar-biru daripada duduk menganggur tidak membuat pekerjaan. Ini disebabkan, masa yang terluang mudah dipe-ngaruhi dengan unsur2 yang kurang sihat, termasuk penyalahgunaan dadah dan sebagainya.

"Oleh itu, apa jua pekerjaan yang boleh terdapat belia-belia haruslah mengambilnya, sementara dari masa ke masa cuba membaiki diri sendiri untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik."



Haji Ya'acob Mohamed

satu padu dan menyingkirkan perselisihan sesama sendiri untuk mencapai kejayaan dalam perjuangannya.

Haji Ya'acob berkata; "Masanya telah tiba bagi pemimpin-pemimpin generasi tua untuk memberi jalan kepada yang muda melatih dan mendapatkan pengalaman sebelum mengambil alih sepenuhnya.

"Persisi," katanya, "mempunyai dua masalah yang perlu diatasi. Dalam Singapura masih terdapat banyak lagi bakat-bakat dalam aliran silat yang belum mahu muncul ke depan, dan adalah menjadi tanggungjawab Persisi untuk mendapatkan mereka.

Di arena silat antarabangsa pula, Singapura, walaupun kecil telahpun membuktikan kebolehan untuk "duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi."